

Bantuan KPT-PTPTN Prihatin ringan beban kewangan mahasiswa

Oleh **Norzamira Che Noh** - Julai 29, 2023 @ 7:45am
bhnews@bh.com.my



Norliza menyerahkan plakad sumbangan Bantuan Pengajian KPT-PTPTN Prihatin berjumlah RM81,500 kepada Naib Canselor UUM, Prof Dr Mohd Fo'ad Sakdan. - Foto PTPTN

SHAH ALAM: Seramai 454 pelajar yang kurang berkemampuan menerima manfaat daripada Bantuan Pengajian KPT-PTPTN Prihatin.

Menerusi program diwujudkan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) pada 2022 itu, setiap pelajar layak menerima RM500 sekali bayar yang akan disalurkan ke akaun bank mereka.

Bagi memastikan program berkenaan dapat dilaksanakan dengan teratur dan menepati kumpulan sasaran yang ditetapkan, PTPTN mengadakan kerjasama dengan Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri dan institusi pengajian tinggi terbabit.



Pelajar UUM menerima RM500 Bantuan Pengajian

Penyampaian bantuan berkenaan diadakan di Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) masing-masing pada 16 dan 18 Julai lalu.

Di UUM, sumbangan membabitkan 163 pelajar yang kurang berkemampuan dengan peruntukan RM81,500, manakala bagi program yang diadakan di UiTM, 291 pelajar menerima bantuan sama dengan peruntukan sebanyak RM145,500.

Penyampaian bantuan berkenaan disempurnakan Pengurus PTPTN, Datuk Norliza Abdul Rahim.

Norliza berkata, PTPTN mengadakan pelbagai program berimpak tinggi bagi membolehkan masyarakat terus mendapat bantuan sewajarnya dalam usaha

meningkatkan akses pendidikan kepada masyarakat tanpa mengira kaum dan latar belakang.

"Justeru, program Bantuan Pengajian KPT-PTPTN Prihatin diadakan untuk menyalurkan bantuan sara hidup kepada pelajar yang kurang berkemampuan bagi meringankan beban kewangan pelajar dalam tempoh pengajian di universiti.

"Saya berharap sumbangan ini dapat membantu mengurangkan beban kewangan pelajar di IPT.

"Jadikan bantuan ini sebagai pendorong untuk berusaha bersungguh-sungguh bagi mencapai keputusan cemerlang, sekali gus mendapat pekerjaan yang baik serta mengubah nasib keluarga untuk menikmati kehidupan yang lebih selesa," katanya.



Norliza (dua dari kiri) bersama Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN (kanan) dan Prof Dr. Hj Mohd Sazili Shahibi, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UiTM (kiri) bergambar bersama pelajar yang penerima Bantuan KPT-PTPTN Prihatin. - Foto PTPTN

Bagi pelajar UiTM kampus Shah Alam yang juga peminjam PTPTN, Sheryne Olivia Yahcob, 29, pemberian bantuan RM500 itu sangat membantunya dalam persediaan menghadapi peperiksaan akhir semester.

"Alhamdulillah, terima kasih KPT-PTPTN atas bantuan ini.

"Bagi sesetengah orang, mungkin bantuan ini kecil, tetapi pada saya ia cukup besar dan bermakna, apatah lagi pada akhir semester yang memerlukan duit yang banyak.

"Wang berkenaan disalurkan ke akaun saya minggu lalu dan saya gunakan untuk persediaan menghadapi peperiksaan akhir yang berakhir semalam," kata pelajar separuh masa bagi Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Awam itu.

"Saya berharap ia (bantuan) diteruskan kepada pelajar agar lebih ramai mendapat bantuan sebegini," katanya yang berasal dari Kota Kinabalu, Sabah.

Bagi peminjam PTPTN dan juga pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Minyak dan Gas) UiTM, Muhamad Nasrulnizam Nawi, 22, bantuan RM500 itu digunakan untuk perbelanjaan harian serta bayaran kolej kediaman.

"Ini adalah inisiatif bagus daripada PTPTN yang mana sebelum ini mereka tawarkan pinjaman kepada pelajar. Apabila saya menerima bantuan RM500 ini, terasa seperti dapat elauan.

"Sudah pasti bantuan ini memberi manfaat besar kepada kami, terutama pada penghujung semester seperti ini.

"Selain saya gunakan untuk membayar yuran kolej kediaman, wang ini dimanfaatkan untuk kegunaan harian memandangkan peperiksaan akhir semester saya tamat pada 3 Ogos depan," katanya yang berasal dari Tumpat, Kelantan.

Beliau berkata, sumbangan berkenaan wajar diteruskan kerana kos sara hidup agak tinggi.

"Macam saya sendiri, harga buku yang perlu dibeli pada setiap semester juga mencecah RM200 ke RM300.

Justeru, bantuan *one off* seperti ini memang sangat membantu untuk saya. Terima kasih KPT-PTPTN," katanya.